

04/06/1998

PM ke Terengganu Jumaat depan

KUALA TERENGGANU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Terengganu, Jumaat depan.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata Perdana Menteri dijangka mendengar taklimat mengenai pengurusan air negeri ini dan perancangannya, di Loji Air Kepong, di sini, kira-kira jam 9 pagi.

Selepas itu, Dr Mahathir akan berucap kepada pemimpin masyarakat dan pegawai kerajaan pada majlis makan tengah hari di kediaman rasmi Menteri Besar di Seri Iman.

Wan Mokhtar berkata, Dr Mahathir dijangka mengadakan lawatan kerja sehari ke Pahang sejurus selepas lawatannya ke negeri ini selesai.

"Mengikut jadual asal, Dr Mahathir dibawa melawat Taman Teknologi Tani di Rhu Tapai, Setiu, tetapi terpaksa dibatalkan kerana musim pengeluaran hasil pertanian, termasuk tembikai dan bawang merah sudah berlalu," katanya.

(END)